

U B312 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL AKAN MENGHANTAR SEORANG WAKIL KE SINI TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENINJAU KEADAAN DI NEGARA INI SEBELUM MERANCANG MENGENAI PENUBUHAN KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL UNTUK PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA WAKIL TERSEBUT AKAN MENEMUI SEMUA PIHAK TERMASUK PARTI-PARTI YANG AKAN BERTANDING.

WAKIL ITU JUGA AKAN MENEMUI SURUHANJAYA PILIHAN RAYA UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT BERHUBUNG KEADAAN DI NEGARA INI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN KIRA-KIRA 200 PEMIMPIN MASYARAKAT ORANG ASLI DI KEDIAMANNYA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH MENGHANTAR WAKIL TERSEBUT MERUPAKAN CADANGAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL DAN BELIAU BERSETUJU DENGAN CADANGAN TERSEBUT.

KATANYA, BELIAU DIBERITAHU MENGENAI CADANGAN TERSEBUT MELALUI TELEFON TIGA HARI LEPAS. BAGAIMANAPUN BELIAU TIDAK TAHU BILAKAH WAKIL ITU AKAN TIBA.

-- LAGI
1807MST 15 07 90

U B313 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

+MEREKA HENDAK TAHU KEADAAN DI SINI SEBELUM MEMBUAT PERANCANGAN. SELAMA INI KITA MINTA SAHAJA (KUMPULAN PEMERHATI)...KITA TIDAK MEMBERI APA-APA SYARAT,+ TAMBAHNYA.

KERAJAAN MEMINTA KUMPULAN PEMERHATI DARI KOMANWEL UNTUK MENGAWASI PERJALANAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG SETELAH SATU KUMPULAN DI SINI MENUBUHKAN APA YANG DIPANGGIL +PENGESEAN PILIHAN RAYA+ (ELECTION WATCH).

SEBELUM ITU, DALAM UCAPANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGETEPIKAN MASYARAKAT ORANG ASLI MALAH MEMBERI PERHATIAN YANG SAMA SEPerti KUMPULAN MASYARAKAT YANG LAIN DI NEGARA INI.

+NIAT KERAJAAN IALAH MAHU MEILHAT MASYARAKAT ASLI SAMA-SAMA BERDAYA MAJU SEPerti KUMPULAN MASYARAKAT YANG LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN ANAK-ANAK ORANG ASLI DALAM BIDANG TERTENTU TERMASUK PENDIDIKAN MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA JUGA MEMPUNYAI KEMAMPUAN. -- LAGI

1809MST 15 07 90

D032

U B321 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENINGATKAN MASYARAKAT ORANGASLI SUPAYA JANGAN MELUPAKAN BUDAYA DAN KEMAHIRAN ISTIMEWA YANG MEREKA MILIKI SEPERTI MENGUKIR, MEMBURU DAN MENYUMPIT WALAUPUN MEREKA TURUT MENYERTAI ARUS KEMAJUAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN JAWATANKUASA PENYELARAS MENGENAI HAL EHWAL ORANG ASLI YANG DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI DATUK ZAINOL MAHMOOD UNTUK MENELITI SEGALA MASALAH ORANG ASLI DI SEMENANJUNG TERMASUK SOAL PEMBALAKAN YANG MENJEJASKAN KEHIDUPAN HARIAN MEREKA.

SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA ADALAH SUKAR UNTUK MENYEKAT KEGIATAN PEMBALAKAN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN AGAR INDUSTRI TERSEBUT TIDAK MENJEJASKAN MASYARAKAT ORANG ASLI SEBALIKNYA MENGUNTUNGGAN MEREKA.

BELIAU SETERUSNYA MEMBERI JAMINAN AKAN MEMINTA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PERKARA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGATKAN MASYARAKAT ITU SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH GOLONGAN TERTENTU YANG MAHU MENGHASUT MEREKA SUPAYA MENENTANG KERAJAAN. -- LAGI
1838MST 15 07 90

D036

U B323 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA ELAUN BAGI KETUA ORANG ASLI (BATIN) AKAN DINAikkan TETAPI JUMLAHNYA AKAN DIBERITAHU KEMUDIAN.

MENGENAI JAWATAN SENATOR ORANG ASLI YANG KINI KOSONG SELEPAS TEMPOH SENATOR HASSAN NAM TAMAT TIDAK LAMA DAHULU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI (JHEO) SEBELUM MEMILIH PENGGANTINYA.

DITANYA OLEH PEMBERITA MENGENAI CADANGAN PARTI GERAKAN SUPAYA DIWUJUDKAN TIGA JAWATAN SENATOR UNTUK ORANG ASLI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SETUJU DENGAN CADANGAN ITU SEKIRANYA ADA PIHAK YANG SANGGUP MELEPASKAN JAWATAN MEREKA.

+KALAU KITA HENDAK WUJUD TIGA SENATOR ORANG ASLI, KITA KENA KURANGKAN SENATOR YANG LAIN. KALAU ADA ORANG LAIN SANGGUP, SAYA SETUJU SAHAJA,+ KATA BELIAU.

DALAM UCAPAN BALAS BAGI MEWAKILI ORANG ASLI, MENTERI SILEH BIN GANCHOR DARI PAHANG, BERKATA MASYARAKAT ASLI BERIKRAR AKAN TERUS MENYOKONG USAHA KERAJAAN DAN MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DALAM PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN. -- LAGI
1845MST 15 07 90

DD37

U B324 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MASYARAKATNYA YAKIN KERAJAAN YANG SEDIA ADA DAPAT MENJAMIN MASA DEPAN YANG GEMILANG BAGI ORANG ASLI DI NEGARA INI.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI MENERIMA PELBAGAI BUAH TANGAN DARIPADA WAKIL-WAKIL ORANG ASLI TERMASUK EMPAT EKOR PELANDUK, DURIAN, PETAI SERTA HASIL TANGAN SEPERTI SUMPIT DAN TIKAR.

SEBAGAI BALASAN, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH YANG JUGA PRESIDEN BADAN AMAL KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) MENYAMPAIKAN SEBUAH TELEVISYEN DAN ALAT PERAKAM VIDEO UNTUK HOSPITAL ORANG ASLI DI GOMBAK.

BELIAU BERKATA, BAKTI JUGA MENYEDIAKAN 10 DERMASISWA KEPADA ANAK-ANAK ORANG ASLI UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN SEHINGGA KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.

YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB DAN KETUA PENGARAH JHEO ENCİK JIMIN IDRIS. --
BERNAMA

1846MST 15 07 90